JAWAPAN KBAT EKSTRA

KBAT EKSTRA BAB 1A

1. Bersetuju, kerana:
- Mengurangkan kesesakan lalu lintas
- Sistem jalan raya yang lebih selamat
- Mengurangkan kemalangan jalan raya
- Lebih cepat sampai ke destinasi
- Mengurangkan beban kewangan kerajaan
- Kerajaan boleh membina lebih banyak projek pembangunan lain

2. (a) Antara sebabnya adalah:
- Pengguna inginkan produk yang murah
- Pengguna tidak mementingkan aspek keselamatan produk
- Pengguna tidak mementingkan kualiti produk
- Pengeluar hanya mementingkan keuntungan
- Persaingan sengit antara pengeluar
- Kekurangan penguatkuasaan undang-undang
- Kekurangan kawal selia ke atas produk import

(b) (i) Tindakan pengguna:
- Beli produk berkualiti sahaja
- Mengutamakan aspek kualiti lebih daripada aspek kos
- Mendapatkan maklumat tambahan tentang produk
- Melaporkan kepada pihak berkuasa jika mendapati produk tiruan
- Memboikot produk kurang bermutu

(ii) Tindakan kerajaan:
- Menguatkuasakan undang-undang
- Membatalkan lesen import/pengeluaran
- Memberi kesedaran kepada pengguna seperti mengadakan kempen kesedaran

KBAT EKSTRA BAB 1B

1. Setuju, kerana:
- Jangkaan hayat rakyat Malaysia adalah lebih daripada 70 tahun
- Kos sara hidup semakin meningkat
- Pengalaman dan kemahiran yang dimiliki oleh penjawat awam adalah sangat bernilai
- Mengurangkan beban kewangan kerajaan

Atau

Tidak setuju, kerana:
- Ramai graduan menganggur
- Peluang pekerjaan adalah terhad jika pekerja tua tidak bersara
- Menyekat peluang kenaikan pangkat pekerja muda

2. (a) **Mewujudkan taman herba**
- Menjadikan pusat tarikan pelancong
- Pusat pameran
- Pusat pendidikan percubaan herba

Mencipta produk baharu
- Menjalankan penyelidikan
- Menghasilkan produk berasaskan herba tempatan
- Usaha sama dengan syarikat asing

Pemasaran produk
- Memasarkan produk herba sedia ada
- Menembusi pasaran baharu untuk produk sedia ada

(b) Kepentingan industri herba kepada ekonomi Malaysia:

Meningkatkan pendapatan negara
- Tarikan pelancongan
- Mengeksport herba tempatan ke luar negara

Peluang pekerjaan
- Penciptaan peluang pekerjaan melalui pembukaan kilang pembuatan ubat herba serta pemasaran produk

Melahirkan usahawan baharu
- Memberi peluang kepada usahawan tempatan untuk menggunakan peluang perniagaan secara kreatif dan inovatif

Meningkatkan hasil kerajaan
- Kutipan cukai melalui jualan produk/cukai pendapatan daripada firma

Melindungi khazanah negara
- Memastikan herba tempatan dilindungi dan dimajukan

KBAT EKSTRA BAB 1C

1. (a) Ciri-ciri pelaburan:
- Merupakan pelaburan hartanah
- Berisiko sederhana
- Mendapat pendapatan berbentuk sewa
- Boleh menjual dengan harga tinggi untuk mendapat keuntungan
- Nilai hartanah bergantung kepada lokasi
- Mempunyai kecairan yang rendah

(b)
- Memberi hak penggunaan kepada orang lain
- Menerima sewa
- Boleh menjual semula dengan harga yang lebih tinggi
- Mendapat keuntungan
- Boleh dijadikan aset perniagaan
- Seperti perniagaan *homestay* dan mendapat keuntungan

2. (a) Sumbangan sumber ekonomi tersebut kepada ekonomi negara:
- Menyumbangkan tenaga mental dan fizikal
- Membantu dalam proses pengeluaran
- Menyumbangkan idea kreatif dan inovatif
- Menghasilkan keluaran yang lebih banyak dan berkualiti tinggi dengan kos pengeluaran yang rendah
- Pendapatan diperoleh dibelanjakan
- Permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan meningkat
- Menggalakkan pertumbuhan ekonomi

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) – Menyediakan program latihan melalui institusi kemahiran
– Menaikkan gaji minimum
– Memastikan undang-undang dan peraturan sedia ada dapat menjaga kebajikan buruh
– Mengenakan tindakan terhadap majikan yang gagal mematuhi undang-undang dan peraturan
– Memberikan insentif latihan kepada majikan

KBAT EKSTRA BAB 2A

1. Oldtwon Berhad membuka cawangan di luar negara kerana:
– Pasaran dalam negara sudah tepu
– Persaingan sengit dalam pasaran tempatan
– Meningkatkan pendapatan syarikat
– Menggunakan insentif perniagaan yang ditawarkan oleh kerajaan negara lain
– Kos buruh yang rendah
– Pasaran menimbul di mana peningkatan pendapatan penduduk di negara lain
– Sumber bahan mentah yang lebih murah
– Menikmati ekonomi bidangan
– Mengurangkan beban cukai syarikat

2. Kesan terhadap ekonomi negara Malaysia:
– Peningkatan kemasukan pelancong
– Peningkatan aliran masuk wang
– Peluang perniagaan baharu
– Peningkatan imej negara
– Peningkatan produk berkaitan sukan
– Peningkatan permintaan untuk industri perhotelan
– Peningkatan pendapatan negara

3. (a) Kesan terhadap pasaran buah-buahan tempatan:
– Permintaan buah-buahan tempatan meningkat
– Penawaran buah-buahan tempatan tidak berubah
– Berlakunya lebihan permintaan
– Harga buah-buahan tempatan akan meningkat

(b) – Peningkatan peluang perniagaan
– Pendapatan petani meningkat
– Peluang pekerjaan meningkat
– Mengurangkan perbelanjaan import
– Mengurangkan aliran keluar wang
– Memperbaiki imbangan pembayaran
– Taraf hidup masyarakat meningkat
– Mengawal risiko keselamatan seperti penyebaran penyakit daripada buah-buahan import

KBAT EKSTRA BAB 2B

1. Setuju, kerana:
– Iklim dan tanih yang sesuai
– Menampung keperluan tempatan
– Menggalakkan industri lain seperti penternakan
– Meningkatkan daya saing industri pertanian
– Mengurangkan aliran keluar wang
– Memperbaiki imbangan pembayaran
– Mewujudkan peluang perniagaan untuk graduan menganggur

2. Kerajaan menyeru supaya pengeluar perlu mengembangkan pasaran produk halal kerana:
– Saiz pasaran yang besar
– Kurang persaingan
– Keperluan agama
– Tidak perlu bergantung kepada import
– Menggalakkan industri pengeluaran produk halal untuk dieksport
– Meningkatkan pendapatan negara
– Meningkatkan imej negara sebagai negara Islam

KBAT EKSTRA BAB 2C

1. Saya tidak bersetuju kerana:
– Kurang mendapat sambutan peminat
– Merugikan hasil negara
– Perbelanjaan kerajaan bertambah
– Terpaksa melepaskan perbelanjaan pembangunan yang lain
– Pelaburan yang kurang membawa hasil kepada negara
– Persaingan daripada negara lain

2. Kelebihan yang dinikmati oleh pelabur muda:
– Kurang berisiko/Berisiko rendah
– Boleh digunakan untuk membiayai yuran pendidikan pada masa depan
– Dijamin oleh kerajaan
– Mendapat keuntungan dalam bentuk dividen
– Dikecualikan daripada cukai pendapatan

KBAT EKSTRA BAB 2D

1. (a) Peratus peningkatan eksport perabot Malaysia pada tahun 2016

$$= \frac{\text{RM9.53 bilion} - \text{RM9.14 bilion}}{\text{RM9.14 bilion}} \times 100$$

$$= 4.27\%$$

(b) Tindakan yang perlu diambil oleh pengeksport perabot Malaysia:
– Mencari pasaran baharu
– Menjalankan penyelidikan pasaran untuk mengetahui cita rasa pengguna negara asing
– Membuat promosi
– Mereka bentuk jenis perabot baharu
– Mengurangkan kos pengeluaran
– Meningkatkan kualiti perabot

2. Kesan terhadap imbangan dagangan antara Malaysia dengan Amerika Syarikat dan Britain:
– Nilai Ringgit Malaysia telah meningkat berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat.
– Hal ini akan menyebabkan jumlah eksport negara menurun manakala jumlah import negara meningkat.
– Malaysia akan mencatat imbangan dagangan defisit berbanding dengan Amerika Syarikat.
– Nilai Ringgit Malaysia telah menurun berbanding dengan Pound Sterling.
– Hal ini akan menyebabkan jumlah eksport negara meningkat manakala jumlah import negara menurun.
– Malaysia akan mencatat imbangan dagangan lebihan berbanding dengan Britain.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.